

Berita Harian : Rabu 21 Okt 2015

Penuntut institusi kemahiran perlu jadi jaguh antarabangsa

» TPM mahu peserta negara dapat pengiktirafan dunia

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Penuntut institusi kemahiran di negara ini perlu meraih lebih banyak kejayaan pada peringkat antarabangsa dan bukan berpuas hati setakat menjadi jaguh kampung, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri, berkata selepas golongan itu menunjukkan keupayaan pada peringkat tempatan, mereka perlu membuktikan kemampuan di gelanggang antarabangsa dan seterusnya mendapat pengiktirafan dunia.

Katanya, beliau mahu peserta negara merangkul sebahagian besar anugerah pada ASEAN Skills Competition (ASC) 2016 yang akan diadakan di Kuala Lumpur tahun depan dan anugerah uta-



Ahmad Zahid bersama penerima anugerah pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 di Putrajaya, semalam.

[FOTO BERNAMA]

ma di World Skills Competition (WSC) 2017 di Abu Dhabi.

"Apabila bersaing pada peringkat antarabangsa, kepompongannya lebih luas. Jangan hanya jadi jaguh kampung, sebaliknya jadilah jaguh antarabangsa," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Bukti mampu lakar sejarah

Ahmad Zahid berkata, kejayaan Malaysia meraih pingat gangsa pada WSC 2015 di Brazil sebelum ini membuktikan pelajar institut

kemahiran negara mampu melakar sejarah pada peringkat dunia.

Dalam pada itu, beliau mengakui sistem pendidikan negara sudah melalui pelbagai evolusi serta program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) dilaksanakan supaya modal insan yang berkemahiran tinggi, cekap,

produktif serta menerapkan nilai keselamatan dalam tugas dapat dilahirkan.

Justeru, Ahmad Zahid mahu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerjaya serta Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dalam membangunkan golongan itu, termasuk memberi galakan kepada mereka melalui insentif yang lebih tinggi jika memenangi pertandingan.

"Saya juga berharap syarikat penaja akan meneruskan tajaan mereka untuk anak muda yang berketrampilan dan berkemahiran ini supaya mereka lebih bersemangat, dan secara tidak langsung meningkatkan imej syarikat mereka pada peringkat antarabangsa," katanya.

Sempena majlis itu, penuntut Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Mohammad Tarmizi Abu Hassan, 22, dipilih sebagai penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 selepas membuktikan kemahirannya dalam bidang rangkaian maklumat kabel.

Beliau menewaskan 70 penerima pingat lain dalam 27 bidang yang dipertandingkan pada Pertandingan World Skills Malaysia Belia (WSMB) 2015 yang diadakan dari 17 September hingga 6 Oktober lalu di enam lokasi seluruh negara.

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri adalah pengiktirafan tertinggi dalam pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang diberikan kepada peserta yang paling cemerlang dalam WSMB. Pemenang pingat akan mewakili Malaysia ke ASC 2016, seterusnya ke WSC 2017.